



LADANG Alam Warisan menjadi tempat pertama di negara ini yang menyediakan kemudahan aktiviti memanah berkuda.



ORANG Melayu zaman dahulu terkenal dengan ketangkasan berlawan dan bersifat pejuang.

**L**ELAKI yang berpakaian ala pendekar Melayu silam menimbulkan rasa gharib pada hadirin yang hadir pada majlis ilmu tersebut.

Segak mengenakan sepasang baju Melayu cekak musang dan bertengkolok, Radzi Sapiee, 45, tanpa rasa segan melangkah dan mengambil tempat di dalam bilik senat Universiti Kebangsaan Malaysia itu untuk mendengar wacana tentang bangsa Melayu baru-baru ini.

**Oleh KASANABILAH KAMARUL ZAMAN**  
*(kasanabilah@comcast.com.my)*

mahu masyarakat mengenal dan kembali kepada warisan lama yang sepatutnya dikekalkan.

"Pemimpin Afrika dan Arab bangsa menyangkut pakaian tradisional mereka ke majlis-majlis antarabangsa, kenapa tidak kita?" ujar Radzi atau lebih dikenali dengan nama Merah Silu membuka bicara baru-baru ini.

Ketika ditebak tentang perasaan segan menyangkut pakaian tradisional itu, dia tegas meniadakan perihalnya berkenaan.

Sebaliknya, penulis dan pemilik blog *merahsilu.blogspot.com* yang mendapat pendidikan dalam bidang matematik dari University College of London itu berasa bangga menyangkut pakaian warisan Melayu.

"Inilah salah satu cara untuk saya menunjukkan betapa bangganya saya bergelar Melayu. Saya juga



MERAH Silu mahu membudayakan semula pakaian tradisi bangsa Melayu.

**Bangga jadi anak Melayu**

Dia sengaja memakai pakaian tersebut ketika menghadiri majlis-majlis akademik untuk menghidupkan kembali pemakaian baju tradisi Melayu bagi menyebarkan pengaruh tersebut.

Cerita bekas wartawan itu, dia pernah berasa malu atau mengangap lekeh tentang warisan bangsanya. Bagi Merah Silu, pakaian tradisi itu hanya sesuai dipakai ketika bersilat.

Berpendidikan tinggi dari sebuah

universiti di luar negara, sudah tentu pakaian moden lebih menjadi pilihan untuk disarung oleh lelaki kelahiran Muar, Johor itu. Bagaimanapun, kongsi Merah Silu, segala-galanya berubah tiga tahun lalu apabila secara perlahan-lahan dia mula menyintai apa saja mengenai keturunan yang diwarisinya sama ada budaya, adat mahupun pakaian.

"Banggalah menjadi anak Melayu. Melayu bangsa yang hebat. Zaman Kesultanan Melayu Melaka sudah membuktikan. Dari dulu kita sudah hebat.

"Orang Jepun berjaya mengikut acuan sendiri. Jepun menggunakan semangat Samurai, pahlawan kebanggaan mereka. Kita juga patut berbangga dengan nilai pendekar Melayu yang tidak mudah menyerah dan penuh dengan sifat pejuang," ujarnya penuh mendalam.

Dalam pada itu, **Muhamad Akmal Dahalan**, 33, pula berkata, Melayu dan Islam adalah satu dan tidak boleh dipisahkan.

Kata aktivis dari Negeri Sembilan itu, perkataan dan maksud Melayu itu perlu difahami huruf demi huruf oleh bangsa itu sendiri.

"Ejaan Melayu dalam tulisan jawi mempunyai makna yang mendalam. Mim merujuk kepada Muhammad yang menjadi pemimpin dan rasul akhir zaman buat umat manusia manakala lam alif (la) pula adalah kalimah Lailahaillallah.

"Huruf ya pula mewakili keseluruhan bangsa Melayu itu sendiri yang terdiri daripada pelbagai sub etnik manakala wau pula merujuk kepada zat qudus Pencipta," jelasnya yang banyak membuat kajian tentang bangsa Melayu sejak tahun 2011.

Jika ada salah satu daripada huruf untuk ejaan Melayu ditucutkan, ia akan membentuk perkataan yang tidak sepatutnya. Justeru, elemen maksud bagi setiap huruf perlu dihayati, difahami dan diamalkan.

Saran Muhamad Akmal, bangsa Melayu perlu mengenal diri dan bangsanya yang menggalakkan perbuatan baik dan mencegah perkara mungkar seperti yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka. ▶▶



MUHAMAD AKMAL

# Orang Melayu, Asli sebaka

Kajian genetik mendedahkan, asid deoksiribonukleik orang Melayu dan Orang Asli telah wujud sejak 60,000 tahun lalu yang tersebar dari Madagaskar ke Lautan Pasifik dan Taiwan.

## Manusia pertama

Muhamad Akmal berkata, individu yang bergelar Melayu patut berbangga dengan darah yang mengalir dalam tubuh mereka kerana sejarah dan kehebatan bangsa tersebut.

Cerita pemuda itu, manusia pertama yang mengelilingi dunia ialah orang Melayu selain bahasa Melayu yang menjadi bahasa pertuturan utama pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang digunakan untuk berdagang dan berkahwin.



NIK HASSAN SUHAIMI



D. SALLEH

Dek kehebatan bangsa tersebut, Muhamad Akmal menegaskan, bangsa Melayu itu sendiri perlu mengkaji dan menelusuri sejarah bangsa.

Atas rasa sayang Muhamad Akmal terhadap bangsanya, dia telah mewujudkan satu tapak yang diberi nama Ladang Alam Warisan (LAW) di Seri Menanti, Negeri Sembilan yang berkonsepkan Melayu sejati.

"Dalam LAW, orang ramai boleh mengenal Melayu dengan sebenar-benarnya dalam semua aspek seperti adat dan budaya, aktiviti serta pakaian tradisional yang disarung oleh orang terdahulu.

"Aktiviti paling menarik di ladang ialah memanah berkuda. LAW menjadi tempat pertama di Malaysia



Lautan China Selatan

yang menyediakan kemudahan untuk melakukan aktiviti memanah berkuda," jelas Muhamad Akmal yang mempunyai perniagaan pengiklanan.

**Felo Penyelidik Utama Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Hassan Suhaimi Nik Abd. Rahman** berkata, di negara ini faktor agama Islam menjadi teras kepada pengertian Melayu.

Jelasnya, sesiapa sahaja yang menganihi Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu digolongkan sebagai Melayu tanpa mengambil kira asal-usul individu tersebut.

"Terdapat empat pendekatan utama untuk mencari susur galur Melayu iaitu perubahan paras laut, etnolinguistik, deoksiribonukleik (DNA) dan budaya material.

"Kajian DNA menunjukkan orang Melayu dan Orang Asli serta bumiputera lain adalah sebaka dan telah wujud di alam Melayu sejak hampir 60,000 tahun atau lebih



DNA bangsa Melayu dipercayai berusia sehingga 60,000 tahun.

PETA menunjukkan tanah dan kerajaan Melayu yang berkembang pada zaman Kerajaan Srivijaya sehingga abad ke-13.

# ملايو

EJAJAN Melayu dalam tulisan jawi.

dahulu yang dipercayai tersebar dari Madagaskar ke Lautan Pasifik dan ke Taiwan," terangnya.

Sementara itu, **Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor Datuk Seri Dr. Md. Salleh Yaapar** pula berkata, orang Melayu berasal dari Kepulauan Melayu yang meliputi kawasan dan tersebar luas di Lautan Hindi dan Pasifik selain menjadi penduduk awal di kawasan tersebut.

"Orang Melayu pada awalnya tinggal di kawasan yang digelar Pentas Sunda atau Benua Sunda sebelum berpecah kepada beberapa kawasan

setelah benua tersebut ditenggelami air.

"Natiang peristiwa tenggelamnya Benua Sunda, orang Melayu tersebar di belahan dunia yang amat luas, lantas menjadi satu rumpun bangsa yang besar termasuklah di Kepulauan Pasifik," jelasnya.

Kongsinya, Raja Kalakata (1831-1891) dari Hawaii mengangap dirinya berbangsa Melayu malah mempunyai hubungan rapat dengan Sultan Johor pada ketika itu iaitu Sultan Abu Bakar.

Terang Md. Salleh, semangat kekehuasaan rumpun Melayu amat ketara di Hawaii apabila Parlimennya telah membincangkan usul ke arah penyatuan Melayu yang bertajuk, *Dunia Malayo-Polynesia* pada tahun 1879.

"Seperti orang Melayu di Tanah Melayu, mereka juga bukan pendatang, namun menjadi bangsa yang serumpun dengan Melayu dan berasal dari pentas yang sama," tegasnya.

# Genetik Melayu berusia 60,000 tahun

MANUSIA dan organisma lain mempunyai dua jenis deoksiribonukleik (DNA) iaitu nukleus dan mitokondria yang terdapat dalam semua sel badan dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, darah dan air liur.

Kandungan DNA mitokondria adalah sama dalam semua sampel biologi individu sama ada ketika hidup ataupun meninggal dunia. Ia boleh kekal dalam satu tempoh, boleh disimpan bersama fosil yang dapat digunakan untuk membuat kajian dan mengetahui usia sesuatu jasad atau DNA itu sendiri.

Menurut Pengarah Penyelidikan Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Zafarina Zainuddin, mitokondria diwarisi daripada ibu kepada anak-anak.

Kajian menunjukkan manusia terdahulu telah keluar dari Afrika sejak 200,000 tahun lalu dan dipercayai berasal daripada seorang wanita yang dikenali sebagai Hawa

"Manusia moden dipercayai keluar sejak 200,000 tahun lalu bagi menggantikan manusia purba. Manusia moden boleh beradaptasi dengan alam sekitar.

"Bentuk tengkorak manusia moden dan purba juga berbeza. Tengkorak manusia purba mempunyai dahi yang lebih ke hadapan, dagu lebih pendek dan ke dalam berbanding manusia moden," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Terang Zafarina, DNA dan kromosom Y juga menunjukkan pergerakan manusia yang keluar dari Afrika menggunakan laluan selatan menggunakan jalan pantai dan benua.

Manusia yang menggunakan laluan selatan lebih awal sampai ke penempatan baharu kerana cuaca kurang ekstrem dan tidak banyak halangan berbanding laluan benua menyebabkan mereka tiba lebih lewat

"Dapatan kajian melalui DNA mitokondria yang dijalankan oleh pengkaji USM dan University of Leeds menunjukkan mitokondria yang dimiliki oleh orang Melayu sangat unik, pewarisannya tidak putus dan tidak bercampur.

"Kajian juga menunjukkan DNA orang Melayu dan Orang Asli Semang atau Negrito mempunyai persamaan khususnya dari segi usia genetik iaitu kira-kira 60,000 tahun lalu," kongsinya yang terus melakukan kajian selepas mendapat keputusan dalam kajian tersebut.

Kajian Zafarina yang seterusnya melibatkan 12 sub etnik Melayu iaitu


Melayu Kelantan dan Kedah, Champa, Patani, Banjar, Minang, Aceh, Jawa, Mandailing, Rawu, Bugis dan Riau.

Analisis menggunakan kaedah matematik yang digunakan oleh Zafarina menunjukkan Melayu

selepas melakukan kajian melibatkan 6,083 sampel manusia untuk menguji genetik masyarakat di sana. Kajian mendedahkan penduduk di China berasal dari selatan dan kemudiannya bergerak ke arah utara.

"Berdasarkan kajian yang dilakukan, usia genetik sampel tersebut lebih muda 10,000 tahun berbanding genetik orang Melayu sekali gus menunjukkan tiada kemungkinan pergerakan dari utara ke selatan berdasarkan hasil tersebut.

"Migrasi yang berlaku adalah manusia dari Kepulauan Melayu bergerak ke utara melalui Thailand, Indo-China dan ke Tanah Besar China," tegasnya.



ZAFARINA